



STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NIOSH 2024-2026



Hak Cipta Terpelihara

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integriti & Governans (IGU), NIOSH terlebih dahulu.

Diterbitkan Oleh:

Unit Integriti & Governans (IGU),
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH),
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Cetakan Pertama 2024

PERUTUSAN PENGARAH EKSEKUTIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah berjaya membangunkan Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH 2024-2026 yang merupakan antara dokumen utama dalam usaha untuk memupuk budaya tatakelola baik di organisasi.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), NIOSH menyokong penuh Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 selaras dengan Substrategi No. 18 NACS di bawah Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam iaitu "Mewajibkan sektor awam membangunkan pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah dengan bantuan SPRM".

Ini boleh dilihat melalui Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH 2024-2026 yang dibangunkan dimana NIOSH berusaha untuk mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Akhir kata, semoga Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH 2024-2026 ini mampu menjadi panduan dan rujukan yang komprehensif dan inklusif kepada semua warga kerja dalam mendepani cabaran rasuah dan salah laku integriti masa kini.

Sekian, terima kasih.


HJ. AYOP BIN SALLEH
PENGARAH EKSEKUTIF
NIOSH



SINGKATAN

KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
NIOSH	Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara
IGU	Unit Integriti & Governans
NACS	Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional
NIOSHCert	NIOSH Certification Sdn. Bhd.
KKP	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
CRM	Pengurusan Risiko Rasuah/ <i>Corruption Risk Management</i>
JTK	Jawatankuasa Tatakelola

RINGKASAN EKSEKUTIF

Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH 2024-2026 merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tatakelola, tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Pembangunan pelan ini adalah selaras dengan Substrategi No. 18 NACS di bawah Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam iaitu "Mewajibkan sektor awam membangunkan pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah dengan bantuan SPRM".

Objektif utama Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH 2024-2026 adalah:-

1. Menggariskan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan bagi menangani isu rasuah dan salah laku integriti di organisasi dengan lebih jelas dan berkesan.
2. Memperkasa dan memperkukuhkan tatakelola, tadbir urus dan integriti warga kerja berteraskan elemen T. R. E. E.
3. Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti warga kerja berasaskan tatakelola baik dan budaya integriti yang tinggi.
4. Meningkatkan imej dan kepercayaan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan masyarakat ke atas perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi.

T. R. E. E. bermaksud:-



ISI KANDUNGAN

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Perutusan Pengarah Eksekutif Singkatan Ringkasan Eksekutif	2 3 4
1	PENGENALAN Pendahuluan Latar Belakang NIOSH Carta Organisasi NIOSH Fungsi dan Objektif Penubuhan NIOSH Carta Organisasi IGU Fungsi IGU	8 8 9 10 10 11
2	STATUS RISIKO RASUAH DI NIOSH Keperluan Pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH Sorotan Utama Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023 Metodologi dan Pendekatan Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH Analisis Risiko	14 14 15 15
3	PRINSIP UMUM DAN KEUTAMAAN STRATEGIK Prinsip Tatakelola Baik Keutamaan Strategik	18 19
4	STRATEGI UTAMA Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH 2024-2026	22-24
5	PEMANTAUAN DAN PENILAIAN Carta Penilaian dan Pemantauan Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH Keperluan Pemantauan dan Penilaian Mekanisme Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan Memahami Pemantauan dan Penilaian	26 27 27 27
	PENUTUP Kesimpulan Rujukan Penghargaan	29 29 30

BAB 1 PENGENALAN





PENDAHULUAN


Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH 2024-2026 merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tatakelola, tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Ia menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu organisasi dalam menangani isu-isu yang dikenal pasti.

LATAR BELAKANG NIOSH


Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) ditubuhkan sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) pada 24 Jun 1992 di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Bermula dengan sebuah pejabat sementara di Pusat Bandar Damansara, NIOSH telah berpindah ke Bandar Baru Bangi pada tahun 1996. Seiring dengan permintaan yang semakin meningkat, NIOSH meluaskan lagi perkhidmatannya melalui pembentukan Pejabat Wilayah yang terletak di Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu. Sekarang, NIOSH mempunyai 5 Pejabat Wilayah dan 12 Pejabat Satelit di seluruh Malaysia.

NIOSH juga telah menubuhkan anak syarikat yang dikenali sebagai NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NIOSHCert) pada tahun 2004 yang pada asalnya bertujuan untuk meningkatkan budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia. Fungsi utama NIOSHCert adalah sebagai sebuah badan pematuhan penilaian yang menjalankan aktiviti pengauditan, pensijilan dan pengiktirafan terhadap industri di Malaysia yang mencapai tahap piawaian bagi standard kebangsaan dan antarabangsa dalam pelaksanaan sistem pengurusan terutamanya Sistem Pengurusan KKP. NIOSHCert telah diiktiraf sebagai sebuah Badan Pensijilan melalui akreditasi oleh badan akreditasi iaitu Jabatan Standard Malaysia.

NIOSH telah memperolehi pensijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 pada tahun 2003, ISO 9001:2008 pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada ISO 9001:2015 pada tahun 2018. Pensijilan OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2011 telah diperolehi pada 1 Oktober 2012 dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada ISO 45001:2018 pada tahun 2019. Pensijilan ISO 14001:2015 turut diperolehi pada tahun 2019, manakala Makmal OSH Evaluation and Control Technology Laboratories (OSHECT) NIOSH pula telah mendapat Akreditasi bagi pensijilan MS ISO/IEC 17025:2017 pada tahun 2018. Terbaru, NIOSH telah mendapat pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001:2016 pada Disember 2023.



CARTA ORGANISASI NIOSH



FUNGSI DAN OBJEKTIF PENUBUHAN NIOSH

Fungsi NIOSH adalah untuk memberikan latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat dalam bidang KKP. Objektif penubuhan NIOSH adalah:-

Untuk menyumbang ke arah usaha meningkatkan tahap KKP melalui pembangunan kurikulum dan program latihan untuk pekerja, majikan, dan mereka yang bertanggungjawab, secara langsung atau sebaliknya, terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja.

Untuk membantu industri, perdagangan dan sektor-sektor lain dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan KKP.

Untuk membantu mereka yang bertanggungjawab terhadap KKP dengan maklumat yang terkini dari dalam dan luar negara dalam bidang KKP.

Untuk mengadakan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan KKP yang boleh membawa faedah dan manfaat kepada negara.

Untuk menyebarkan maklumat hasil dari penyelidikan dan juga menjadi pusat rujukan di dalam bidang KKP.

CARTA ORGANISASI IGU



IGU dirangkumi oleh empat (4) fungsi teras:-

1 Pengurusan Aduan



Penerimaan aduan mengenai salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran etika NIOSH. IGU perlu menyelia, memantau dan menguruskan proses aduan integriti. Membawa maklumat/aduan ke Jawatankuasa Menilai Maklumat dan aduan yang berkaitan pentadbiran atau tidak berkaitan dengan tindakan IGU akan dikemukakan kepada Jabatan/Bahagian yang bersesuaian untuk tindakan dalaman.

2 Pengesanan Dan Pengesahan



Tanggungjawab Seksyen Pengesanan dan Pengesahan adalah mengambil tindakan susulan kepada aduan integriti. Penyediaan laporan lengkap hasil pengesanan yang dilakukan berserta ulasan dan syor.

3 Pengukuhan Integriti



Memastikan pembudayaan dan pelaksanaan integriti dalam NIOSH dapat dicapai dengan merancang dan melaksanakan program kepada kakitangan.

4 Governans



IGU perlu memastikan pelaksanaan tadbir urus terbaik dalam usaha memperkukuhkan integriti pegawai dan kakitangan NIOSH serta menangani isu-isu berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.



BAB 2
STATUS RISIKO RASUAH DI NIOSH

KEPERLUAN PEMBANGUNAN STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NIOSH

Sebagai penyedia utama perkhidmatan latihan dalam bidang KKP di bawah KESUMA, NIOSH turut terdedah kepada potensi rasuah atau salah laku integriti. Sebagai contoh, peserta kursus berpotensi memberi suapan kepada kakitangan bagi mengubah keputusan peperiksaan untuk kepentingan peribadi. Selain itu, ketidaktelusan dalam proses perolehan juga boleh menyebabkan mutu perkhidmatan serta bekalan yang diperoleh tidak setimpal dengan bayaran yang telah dibelanjakan oleh organisasi dan akan menimbulkan tohmahan serta persepsi negatif pelbagai pihak.

Rasuah atau salah laku integriti boleh berlaku dalam banyak keadaan atau dalam pelbagai proses kerja. Selagi tidak dibendung, sedikit sebanyak ia akan mendatangkan kerugian kepada organisasi dan Kerajaan termasuk orang awam. Oleh itu, NIOSH mengambil pendekatan dengan membangunkan Strategi Pembanteraan Rasuah NIOSH 2024-2026 dimana strategi/inisiatif/pelan tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh organisasi dijadikan sasaran pelaksanaan berdasarkan tempoh yang ditetapkan.

SOROTAN UTAMA PELAN ANTIRASUAH NIOSH 2021-2023

Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023 yang berakhir Disember 2023 telah berjaya disempurnakan dengan tahap pencapaian keseluruhannya pada 100%. 25 inisiatif yang disasar berjaya diselesaikan dalam tempoh tiga (3) tahun pelaksanaan.

Bidang	Bil. Inisiatif Jangka Pendek (sehingga 6 bulan)	Bil. Selesai	Bil. Inisiatif Jangka Sederhana (sehingga 1 tahun)	Bil. Selesai	Bil. Inisiatif Jangka Panjang (1 - 3 tahun)	Bil. Selesai	Jumlah Inisiatif
Sistem dan Prosedur Kerja	3	3	1	1	2	2	6
Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika	1	1			2	2	3
Kawalan Dalaman	2	2			14	14	16

Jumlah Keseluruhan Inisiatif 2021-2023

25

Pencapaian 2021-2023 (SELESAI)

25

Peratus Pencapaian Keseluruhan 2021-2023

100%

Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) NIOSH Bilangan 3 Tahun 2023 pada 21 November 2023 yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif memutuskan untuk membangunkan Pelan Antirasuah NIOSH yang baru. Langkah strategik ini adalah untuk meneruskan kesinambungan usaha NIOSH dalam memerangi isu, permasalahan dan kelemahan tatakelola, tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

METODOLOGI DAN PENDEKATAN STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NIOSH

Antara pendekatan yang diambil dalam merumuskan Strategi Pembanteraan Rasuah NIOSH adalah:-

Penilaian Risiko	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan alat penilaian risiko iaitu "Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)".• CRM/ <i>Corruption Risk Management</i> adalah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.• Bengkel CRM & Pembangunan Pelan Antirasuah NIOSH 2024-2026 telah diadakan pada 19-20 Disember 2023 melibatkan wakil setiap Jabatan/Bahagian/Unit/Pejabat Wilayah NIOSH.• Melalui CRM ini, risiko-risiko rasuah, salah laku integriti, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dikenal pasti dan strategi/inisiatif/pelan tindakan telah dirangka bagi membendung risiko-risiko tersebut.
Pengumpulan Maklumat	<ul style="list-style-type: none">• Mengumpul maklumat hasil dari saranan dan pandangan pelbagai pihak bagi merumuskan cadangan strategi pembanteraan rasuah di peringkat organisasi.

ANALISIS RISIKO

Panarafan Risiko	Penilaian Risiko												
<p>Berdasarkan data-data yang diperoleh daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tempoh 2020 hingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak NIOSH sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapati NIOSH dikategorikan sebagai risiko SEDERHANA. Oleh itu, penilaian menyeluruh terhadap isu, permasalahan dan kelemahan tatakelola, tadbir urus, integriti dan antirasuah adalah amat penting bagi merangka strategi/inisiatif/pelan tindakan yang berkesan di peringkat organisasi.</p>	<p>Merujuk kepada data yang dikumpulkan melalui pendekatan penilaian risiko dan pengumpulan maklumat, berikut merupakan ringkasan CRM NIOSH 2024:-</p> <table><thead><tr><th>TAHAP RISIKO</th><th>JUMLAH RISIKO</th></tr></thead><tbody><tr><td>TINGGI</td><td>0</td></tr><tr><td>SIGNIFIKAN</td><td>9</td></tr><tr><td>SEDERHANA</td><td>20</td></tr><tr><td>RENDAH</td><td>62</td></tr><tr><td>JUMLAH KESELURUHAN</td><td>91</td></tr></tbody></table> <p>Semua 91 risiko yang dikenalpasti adalah ditangani dengan cara diperkukuh/ditambah baik kawalan sedia ada serta melaksana/memperkenalkan kawalan baru bagi mengurangkan impak risiko tersebut.</p>	TAHAP RISIKO	JUMLAH RISIKO	TINGGI	0	SIGNIFIKAN	9	SEDERHANA	20	RENDAH	62	JUMLAH KESELURUHAN	91
TAHAP RISIKO	JUMLAH RISIKO												
TINGGI	0												
SIGNIFIKAN	9												
SEDERHANA	20												
RENDAH	62												
JUMLAH KESELURUHAN	91												

An aerial photograph of a city skyline during sunset. The sky is filled with soft, golden light and scattered clouds. The sun is low on the horizon, creating a warm glow over the buildings. The Petronas Towers are prominent on the right side of the frame. In the foreground, there is a dense residential area with many small buildings and houses.

BAB 3
PRINSIP UMUM DAN KEUTAMAAN STRATEGIK



PRINSIP TATAKELOLA BAIK

NIOSH menyokong penuh hasrat Kerajaan untuk menjadikan prinsip tatakelola baik sebagai satu aspek kritikal bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara. Oleh itu, antara salah satu objektif Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH adalah untuk memperkasa dan memperkukuhkan tatakelola, tadbir urus dan integriti warga kerja berteraskan elemen T. R. E. E. seperti berikut:-



T = *Transparent* (Ketelusan)

Menjunjung prinsip ketelusan demi mengembalikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan.

R = *Restore Accountability* (Memperkukuh Akauntabiliti)

Memastikan pemimpin sektor awam bertanggungjawab atas setiap keputusan yang dibuat.



E = *Efficiency* (Kecekapan)

Mengukur pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang mempunyai kesan positif dan memanfaatkan sumber secara optimum demi kemajuan negara dan rakyat.

E = *Effectiveness* (Keberkesanan)

Memastikan setiap dasar dan inisiatif yang diputuskan terlaksana selari dengan hasrat tujuannya dan dilaksanakan dengan berkesan melalui pemantauan berkala yang strategik dan sistemik.



KEUTAMAAN STRATEGIK

NIOSH memahami kepentingan untuk menangani isu rasuah secara menyeluruh sejajar dengan aspirasi nasional Kerajaan iaitu Membangun Malaysia MADANI.

Definisi MADANI


“Maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan Masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk Masyarakat - dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan, manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.”

Matlamat Malaysia Madani

Untuk membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang MAMPAN, SEJAHTERA, BERDAYA CIPTA, saling MENGHORMATI serta bersikap IHSAN berdasarkan KEYAKINAN antara satu sama lain dan KEPERCAYAAN antara Kerajaan dan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama.

Kerangka Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH

Kerangka Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH adalah seiring dengan kerangka NACS sebagaimana hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat Malaysia Madani.



BAB 4 STRATEGI UTAMA





OCBC Bank

Bank Muamalat

WISMA LEE RUBBER

HSBC

HSBC

Quill 6

STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NIOSH 2024-2026

NIOSH memberi penekanan kepada tiga (3) strategi utama dalam membanteras risiko rasuah di organisasi, iaitu:-

Strategi 1: Sistem dan Prosedur Kerja

Keterangan: Jangka Pendek (1 Tahun), Jangka Sederhana (1-2 Tahun), Jangka Panjang (2-3 Tahun)

Substrategi	Tempoh	Peneraju
1. Membangunkan Polisi Konflik Kepentingan bagi mencegah sebarang tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan warga kerja membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan organisasi atau menggunakan kedudukan jawatannya bagi faedahnya sendiri, ahli keluarga, warga kerja lain atau sekutunya.	Pendek	Unit Integriti & Governans (IGU)
2. Menambahbaik Garis Panduan Penawaran dan Penamatan Sumber Bersekutu bagi mengelakkan potensi pegawai pendaftaran menerima rasuah untuk meluluskan nama calon tenaga pengajar.	Pendek	Bahagian Perniagaan dan Pemasaran (BMD)
3. Menyediakan Kriteria Pelantikan Penyedia Latihan dan Garis Panduan/Prosedur untuk mengelakkan pegawai yang memproses permohonan latihan kakitangan melantik syarikat kenalan pegawai yang mempunyai kepentingan peribadi.	Pendek	Bahagian Sumber Manusia (HRD)
4. Menambahbaik pengurusan pelantikan perunding bersekutu bagi mengelakkan potensi suapan dalam pemilihan perunding bersekutu untuk projek perundingan.	Pendek	Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD)
5. Menambahbaik Prosedur Khidmat Rundingan untuk mengelakkan potensi suapan antara kakitangan dan pelanggan dalam proses pengeluaran laporan.	Pendek	Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD)
6. Menambahbaik Prosedur Penyelidikan untuk mencegah potensi suapan dalam proses permohonan geran kajian dan proses pemilihan penyelidik bersekutu untuk projek penyelidikan.	Pendek	Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD)
7. Membuat semakan semula Prosedur Pelaksanaan Peperiksaan untuk mencegah potensi pegawai/penilai dari menerima tawaran/suapan daripada calon, organisasi & penyedia latihan bagi mempengaruhi keputusan peperiksaan.	Pendek	Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)
8. Melaksanakan semakan berkala bagi proses jempunan tenaga pengajar melalui laporan kekerapan tenaga pengajar mengikut kursus.	Pendek	Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah (ETD&RO)
9. Menambahbaik Prosedur Penilaian Prestasi Kerja Pembekal/Kontraktor bagi mencegah potensi pakatan antara pegawai dengan kontraktor/pembekal dalam mewujudkan sebutharga, mengurangkan spesifikasi dan mengesahkan penerimaan barangan yang tidak mengikut spesifikasi.	Pendek	Bahagian Pengurusan Kualiti (QMD)
10. Membangunkan prosedur bagi fasa perancangan yang melibatkan aktiviti reka bentuk, kejuruteraan dan spesifikasi projek untuk mencegah pelaksanaan kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan kontrak.	Sederhana	Bahagian Pengurusan Projek (PMD)

STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NIOSH 2024-2026

Strategi 2: Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika

Keterangan: Jangka Pendek (1 Tahun), Jangka Sederhana (1-2 Tahun), Jangka Panjang (2-3 Tahun)

Substrategi	Tempoh	Peneraju
1. Mengajukan program berkaitan pengurusan kewangan.	Pendek	Bahagian Sumber Manusia (HRD)
2. Mengajukan taklimat dan peringatan berhubung prosedur pengurusan kursus bagi mengelakkan kakitangan membocorkan maklumat sulit NIOSH kepada pihak berkepentingan.	Pendek	Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah (ETD&RO)
3. Mengajukan kursus kesedaran integriti/antirasuah kepada Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan.	Sederhana	Unit Integriti & Governans (IGU)
4. Menjalankan Sesi <i>Knowledge Sharing: Lesson Learnt</i> pada mesyuarat dalaman bahagian.	Sederhana	Bahagian Pengurusan Projek (PMD)
5. Mengajukan taklimat peringatan berhubung integriti Sumber Bersekutu NIOSH termasuk Tenaga Pengajar, Associate Coordinator (AC), Penilai, Pembaca Pruf, Penyelidik dan Perunding.	Sederhana	Bahagian Perniagaan dan Pemasaran (BMD)
6. Melaksanakan kursus-kursus yang berkaitan (pentadbiran kontrak, perundangan, penyediaan bayaran interim) bagi meningkatkan kompetensi kakitangan NIOSH.	Sederhana	Bahagian Sumber Manusia (HRD)

STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NIOSH 2024-2026

Strategi 3: Kawalan Dalaman

Keterangan: Jangka Pendek (1 Tahun), Jangka Sederhana (1-2 Tahun), Jangka Panjang (2-3 Tahun)

Substrategi	Tempoh	Peneraju
1. Membangunkan laporan pemantauan kadar kejayaan sebut harga perkhidmatan konsultasi bulanan bagi mencegah potensi suapan melalui penyelewengan pengeluaran sebut harga.	Pendek	Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD)
2. Mewujudkan penggiliran tenaga pengajar secara bulanan bagi mencegah potensi suapan dari tenaga pengajar luar/kontrak kepada koordinator untuk dijadikan keutamaan sebagai tenaga pengajar.	Pendek	Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah (ETD&RO)
3. Pelantikan tenaga pengajar dibuat secara automatik oleh sistem berdasarkan kekerapan jemputan untuk mengelakkan potensi suapan dalam pemilihan tenaga pengajar mengikut kepentingan peribadi.	Pendek	Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah (ETD&RO)
4. Menyediakan bilik kebal untuk dokumen berkaitan peperiksaan di Pejabat Wilayah/Satelit bagi mengelak kebocoran kertas soalan peperiksaan kepada pihak berkepentingan.	Panjang	Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)

A dark, semi-transparent overlay on a photograph of a business meeting. In the background, several people in suits are gathered around a table. One person is using a laptop, another is holding a pen, and there are documents and a cup of coffee on the table. The overall scene is professional and collaborative.


BAB 5

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



CARTA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NIOSH

Dalam memastikan strategi yang digaris dapat dizahirkan, adalah penting untuk NIOSH menilai dan memantau semua strategi dengan lebih sistematik seperti carta di bawah:





KEPERLUAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

NIOSH menitikberatkan aspek pemantauan dan penilaian terhadap usaha yang dijalankan sepanjang pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah. Ini termasuk mengenal pasti potensi halangan dalam pelbagai aspek serta menilai kemajuan dan keberkesanan strategi yang dijalankan. IGU yang bertindak sebagai sekretariat/badan penyelarasan dengan kerjasama peneraju dari Jabatan dan Bahagian adalah saling berganding bahu dalam menjayakan pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah NIOSH 2024-2026.

MEKANISME PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PELAPORAN

IGU sebagai sekretariat/badan penyelarasan yang bertanggungjawab untuk memantau, menilai, memandu perbincangan dan melaporkan pelaksanaan semua strategi dan substrategi. Bagi memudahkan proses ini, Mesyuarat JTK NIOSH dijadikan platform di antara pengurusan tertinggi, peneraju dan sekretariat untuk sama-sama menilai keberkesanan langkah-langkah yang dijalankan.

MEMAHAMI PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pemantauan adalah bergantung kepada pengumpulan data sedia ada dan data yang baru diperolehi dengan tujuan memudahkan keputusan dibuat mengenai keberhasilan strategi yang dilaksanakan. Penilaian pula merupakan penaksiran sistematik dan pertimbangan nilai atas kesesuaian, keberkesanan dan kecekapan sesebuah strategi. Ia dijalankan dengan tujuan membantu pihak berkepentingan memahami dengan menyeluruh akan strategi dan hasilnya, termasuk hubungan sebab akibat antara beberapa faktor penentu kejayaan.



KESIMPULAN

Kerajaan telah meletakkan isu rasuah, tatakelola dan salah laku integriti sebagai salah satu agenda nasional yang memerlukan perhatian yang serius. Hal ini kerana impak jenayah rasuah yang berlaku telah memberi kesan negatif kepada negara seperti kerencatan pertumbuhan ekonomi akibat kegagalan dan ketidakpercayaan pelabur untuk melabur di negara. Bagi mengekang jenayah rasuah dari terus merebak, Kerajaan melalui SPRM telah bertungkus lumus dan komited untuk meneruskan usaha pencegahan bagi menghapuskan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Bagi setiap negara, penanda aras yang diterima pakai bagi mengukur persepsi masyarakat dunia terhadap sesebuah negara berkaitan rasuah adalah melalui Indeks Persepsi Rasuah (IPR) atau *Corruption Perception Index* (CPI). Menurut Transparency International-Malaysia (TI-Malaysia), Malaysia telah berjaya memperbaiki kedudukannya iaitu kenaikan sebanyak empat tangga, 61 ke 57 daripada 180 negara yang dinilai, serta memperbaiki skornya daripada 47 ke 50, iaitu peningkatan tiga mata setelah penurunan berturut-turut semenjak 2019. Oleh itu, NIOSH mengambil ruang dan peluang untuk sama-sama merealisasikan hasrat Kerajaan dalam menangani isu berkaitan rasuah, tatakelola dan salah laku integriti di Malaysia melalui pembangunan Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH 2024-2026 yang merangkumi 20 Substrategi untuk dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

RUJUKAN

Unit Integriti & Governans. 2020. *Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023*. Bangi: NIOSH.

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional. 2019. *Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

Bahagian Perancangan Governans Nasional. 2024. *Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional 2024-2028*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.



PENGHARGAAN

Pengurusan Tertinggi NIOSH

Tuan Haji Ayop Salleh
Pengarah Eksekutif

Tuan Mejar Haji Hanif Maidin (B)
Setiausaha Eksekutif

Encik Saupi Nazri Mamat
Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah

Puan Noorliza Idawati Mat Nayan
Memangku Pengurus Kanan Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Sokongan

Sekretariat

Puan Nor Fazidah Abu Naim
Ketua Unit Integriti & Governans

Encik Wan Muhammad Syahrilfahmi Wan Zulkifli
Eksekutif Unit Integriti & Governans

Encik Muhammad Ikram Zaidi
Eksekutif Unit Integriti & Governans

Cik Fariah Nur Husna Mohd Farid
Juruteknik Unit Integriti & Governans

Peserta Bengkel CRM

Krisnaini Mohd Yusof
Romaniah Mat
Mohamad Syaifullah Jamaludin
Heina Faeza Abdul Wahid
Nurul Afifah Amir
Mohamad Al Sidek Teramuji
Ts. Muazan Mohamad
Suhainie Suid
Mohd. Nurhazwan Rostam
Noor Faizilah Mohamad Salleh
Robaya Din
Hamizan Abdul Hamid
Ahmad Syauqi Hamdan
Khairul Amiza Mohd Tab

Azizul Khaidir Juaher
Zulfadhli Suhaili
Fadzilah Mohd Sharif
Muhammad Syaidan Abdullah
Syaza Hani Jamaludin
Muhd Amin Alamin Salam
Mohd Norzaide Ahmad Nordin
Nuraida Waslee
Maziah Yusof
Salasiah Epin
Mohd Fazrin Journain @ Joronain
Abd. Hamid Hassan
Mohd Khairul Anuar Yahya

Setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan input dan penyediaan dokumen Strategi Pembanterasannya Rasuah NIOSH 2024-2026.



National Institute of Occupational Safety and Health
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara

Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8769 2100 | 03-8911 3800

www.niosh.com.my